

UPM komited hasil produk berkualiti

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) komited untuk terus menghasilkan produk berkualiti bagi memenuhi permintaan pasaran dengan menggunakan kepakaran sedia ada kerana terbukti mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Dengan pelbagai kemudahan serta teknologi tinggi, produk baru seperti makanan dan perubatan dijangka mendapat tempat di pasaran selain vaksin yang ketika ini menjadi antara penghasilan berkualiti institusi pengajian tinggi itu.

Pengarah Putra Science Park UPM Prof Madya Dr Samsilah Roslan berkata, setakat ini pihaknya sudah pun menghasilkan 1,200 harta intelek merangkumi lebih 800 paten yang menjadi kebanggaan universiti.

“Kita juga sudah mengkomersialkan 66 teknologi dengan catatan jualan terkumpul lebih RM35 juta. Jadi kita akan teruskan pencapaian ini dengan beberapa penambahbaikan dan galakan kepada mahasiswa,” ka-

tanya ketika ditemui pada Majlis Hari Pengenalan Produk Baharu 2013 di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM Prof Madya Dr Noranizan Mohd Adzahan.

Dr Samsilah berkata, dengan ilham kreatif mahasiswa yang segar, ditambah dengan galakan daripada pengurusan universiti dan industri, pihaknya yakin produk bermanfaat dapat dihasilkan terutama menggunakan platform media sosial.

“Apa yang kita ada sekarang sesetengahnya diserahkan kepada pihak luar, tetapi hari ini penuntut mencakupi pelbagai bidang kepakaran, jadi mereka juga sudah boleh merancang masa depan sama ada untuk menubuhkan syarikat sendiri dan sebagainya.

“UPM sentiasa membuka ruang kepada mereka untuk menerokai bidang keusahawanan dengan jalinan industri yang begitu baik,” katanya.